

OH MY STUDENT! 2.0

Mengapa pilih jalan yang susah
kalau ada jalan yang lebih mudah?

Be SMART!


A⁺



HIDUP

BIAR

SMART



$f(x) = ?$



1088297
LIZ

LIZA SUHANA RAMLI

**HIDUP BIAR SMART!
Cetakan Pertama 2019**

© **Galeri Ilmu Sdn. Bhd.**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Liza Suhana, 1979-

Hidup Biar SMART! / Liza Suhana Ramli.

ISBN 978-983-097-810-9

1. Motivation (Psychology)--Religious aspects--Islam.
2. College students--Religious life.
3. Muslims--Conduct of life.

I. Judul.

158.1088297

Pengarah Urusan
Haji Mohd Yusri Mohd Yusof

Pengarah Pentadbiran & Kewangan
Haji Abd Halim Che Pa

Pengarah Pemasaran
Haji Hairi Parman

Pengarah Penerbitan
Haji Badrul Hisham Shari

Penolong Pengarah Penerbitan
Haji Zakaria Sungib

Pengurus Pengeluaran
Haji Wan Mohd Azmin Wan Dolah

Pengurus Editorial
Suraiya Pauzi

Editor
Rosmawati Saidin

Reka Letak
Mohd Fauzi Abdul Hamid

Reka Bentuk Kulit
HayatiZul



Galeri Ilmu

Galeri Ilmu Sdn. Bhd.

No. 44, Astana Karya, Jalan Pekaka 8/3,
Seksyen 8, Kota Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: **03-614 21 614**

Faks: **03-614 21 611**

Laman web: **www.galeriilmu.com.my**

E-mel: **info@galeriilmu.com.my**

Dicetak oleh:

Unipress Printer Sdn. Bhd.

No 117-G, Jalan Tiaj 1/4,
Taman Industri Alam Jaya,
42300 Selangor.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

158.1088297

OH MY STUDENT! 2.0

Mengapa pilih jalan yang susah
kalau ada jalan yang lebih mudah?

Be SMART!

HIDUP

BIAR

SMART



LIZA SUHANA RAMLI



HIDUP BIAR SMART!



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



KANDUNGAN

Lembar Bicara Penulis	viii
Apa Kata Pembaca	xi
Kisah 1 Cabaran Berdikari	1
Kisah 2 Siapa Kawan Siapa Lawan	5
Kisah 3 Tulus Kasihnya	10
Kisah 4 Ketagih Gajet	16
Kisah 5 Bahasa Alaf Baru	20
Kisah 6 Tunaikan Yang Lima	25
Kisah 7 Copy and Paste	30
Kisah 8 Jaga Imej Diri	35
Kisah 9 Amanah Berganda	40
Kisah 10 Runtuhkan Tembok Itu	45
Kisah 11 Cinta Terlarang	51
Kisah 12 Duta Kecil	55
Kisah 13 Ilmu Untuk Dikongsi	59





HIDUP BIAR SMART!

Kisah 14 Akur dan Syukur	62
Kisah 15 Bijak Mengatur Strategi	66
Kisah 16 Penyakit Tiga Serangkai.....	70
Kisah 17 Sesat Dalam Terang.....	75
Kisah 18 Nasi Lemak Buah Bidara	80
Kisah 19 Kekalkan Momentum	85
Kisah 20 Kaya Harta Kaya Jiwa	89
Kisah 21 Tepuk Dada Tanya Kesungguhan	93
Kisah 22 Jaga Diri Hiasi Peribadi	98
Kisah 23 Jangan Sampai Membenci	102
Kisah 24 Surat Misteri	107
Kisah 25 I'm A Winner	111
Kisah 26 Selamat Jalan.....	115
Kisah 27 Kuasa Doa	120
Kisah 28 Anugerah Terindah	124





BINGKISAN PENGHARGAAN

Buat mereka yang hampir ...

Suami,

Mokhtar bin Mohamad

Ayahanda dan bonda,

Haji Ramli bin Bakar dan Hajah Siti Radziah binti Mohamad Saad

Putera-putera,

Muhammad Iffat Nazhan, Muhammad Zuhair Wafiq dan Muhammad

Ilman Aqeel


Adik-adik,

Siti Nurhanis dan Muhammad Khairi

Terima kasih untuk curahan jasa dan pengorbanan, titipan sokongan dan dorongan, limpahan cinta dan kasih sayang serta tadahan doa yang mengiringi langkah menuju redha Ilahi.

Bahagia ini biarlah sampai ke syurga-Nya nanti. Amin.





LEMBAR BICARA PENULIS

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia Rasulullah SAW dan seluruh ahli keluarga Baginda.

Alhamdulillah! Setinggi-tinggi syukur saya panjatkan kepada Al-Basit - Yang Maha Meluaskan dan Maha Melimpah Nikmat - yang mengurniakan ilham sehingga saya berjaya menyudahkan tulisan ini ke noktah terakhir.

Sejujurnya, selepas buku solo pertama berjudul Oh, My Students! menembusi pasaran, tidak pernah terlintas dalam fikiran untuk menulis sambungannya. Namun, dengan kehendak-Nya jua, tercetuslah idea untuk menulis **Hidup Biar Smart** yang masih mengekalkan konsep sama iaitu motivasi dakwah santai yang berlatarkan kisah benar cabaran kehidupan remaja di alam kampus.

Catatan ini ditulis genap 15 tahun saya menyandang gelaran sebagai pendidik. Ya! Isu-isu remaja amat dekat dengan saya sejak sekian lama. Pelbagai cerita pahit manis yang ditempuhi oleh siswa dan siswi telah



LEMBAR BICARA PENULIS

saya saksikan. Mendepani ragam remaja yang kian menginjak dewasa ini meninggalkan seribu satu kisah yang di antaranya menjadi garapan untuk habuan mata dan hati masyarakat di luar sana.

Cabaran berdikari buat pertama kalinya tanpa pengawasan ibu bapa dan guru menjadi titik permulaan yang penting dalam kehidupan di kampus. Bagi yang kukuh iman di hati dan pandai membawa diri, tidak akan semudahnya menyerah dengan cabaran yang mendatang dan tidak pula mudah terbuai dengan keseronokan yang terhidang di depan mata. Pilihlah sahabat yang jelas hala tuju dunia dan akhiratnya. Jangan mudah terpedaya dek cinta yang belum pasti berakhir menjadi jodoh. Elakkan diri daripada terjebak dengan pergaulan yang tidak sihat yang bakal mengundang mudarat. Uruslah emosi sendiri supaya mudah meniti jalan yang bakal ditempuhi. Jaga akhlak yang menjadi cerminan peribadi. Tetapkan matlamat dan tingkatkan usaha untuk menggapai kejayaan yang diimpi.

Saya menyedari bahawa tugas mendidik adalah tugas yang mulia dan menyeluruh. Ia tidak hanya terhad secara formal sahaja, bahkan sebaik-baiknya diselitkan dengan pengisian motivasi dan rohani juga. Al-Quran dan sunnah sepatutnya dijadikan modul dalam memandu arah corak pendidikan formal dan tidak formal. Jiwa anak-anak didik yang amat ketandusan ilmu bukan sahaja akan terisi, malah turut membentuk sahsiah yang cemerlang dan melahirkan insan yang kukuh jati diri dan pegangan agamanya. Inilah yang para pendidik dan ibu bapa perlu titik beratkan supaya anak-anak seimbang pengetahuan dunia dan akhiratnya. Masyarakat intelektual yang 'celik' agama akan semakin bercambah dalam zaman yang penuh cabaran ini. Alangkah beruntungnya!

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih ingin saya sampaikan kepada mantan pensyarah saya, Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hj. Mohd





HIDUP BIAR SMART!

Idrus Hj. Mohd Masirin, Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Puan Yusma Yusuf dan para penulis ulasan untuk buku **Hidup Biar Smart** yang sudi meluangkan masa berharga kalian mencoretkan sesuatu untuk naskhah ini. Terima kasih juga buat kaum keluarga, guru-guru, sahabat handai, anak-anak didik dan semua yang memberi sokongan, mencurahkan ilmu dan menitipkan doa selama ini.

Penghargaan khusus ingin saya tujukan kepada Bonda Nor, guru penulisan yang banyak mencurahkan ilmu seikhlas hati, menjadi pencetus untuk saya terus mengorak langkah dalam dunia penulisan dan membuka seluas-luasnya pintu peluang untuk saya menjadi sebahagian daripada ahli keluarga Akademi Bonda Nor. Terima kasih Bonda. Untuk segala kebaikan yang pernah disemai, di akhirat nanti pasti dituai. Insya-Allah.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada team penerbitan Galeri Ilmu Media Group yang memberi sepenuh kepercayaan kepada saya untuk menghasilkan karya ini dan sudi menerbitkannya.

Buat khalayak pembaca, dengan rendah hati saya hulurkan naskhah **Hidup Biar Smart** sebagai santapan minda. Semoga ada sisi kebaikan yang dapat menjadi manfaat bersama.

Dengan izin-Nya.

LIZA SUHANA RAMLI

Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

19 Januari 2019





Assalamualaikum kepada semua pembaca **Hidup Biar Smart** sekalian. Sebagai seorang ahli akademik, setelah membaca manuskrip buku ini, saya berpendapat ia layak dipanggil sebuah buku yang penuh dengan nasihat dan perkongsian pengalaman serta ilmu. Bermula dengan cabaran berdikari dan pelbagai pengalaman hidup dari alam percintaan sehinggalah perubahan dan tekanan emosi dalam menangani cabaran hidup, penulis telah mengheret kita lebih jauh dalam mendalami erti kehidupan. Realiti dalam kehidupan disentuh dalam bentuk cerita yang mampu menonjolkan mesej yang ingin disampaikan.

Sejujurnya, saya juga berkongsi pandangan yang sama dengan penulis tentang erti kesabaran dan kejujuran dalam perhubungan. Ia sangat penting kerana tanpa kejujuran, kehidupan kita akan penuh dengan kepalsuan dan akan timbul tuduhan bahawa kita adalah manusia hipokrit yang sengaja memberikan alasan apabila dikonfrontasikan dengan persoalan kenapa dan mengapa. Saya





HIDUP BIAR SMART!

mendapati, naskhah ini agak berbeza daripada naskhah pertama iaitu Oh, My Students! Bahasa dan lenggok penyampaian juga mempunyai sedikit kelainan walaupun penampilan secara santai masih dikekalkan.

Sebagai seorang bekas siswi dalam kuliah dan program yang saya kendalikan pada suatu masa dahulu, Liza Suhana telah mampu menyampaikan mesej beliau untuk dititipkan sebagai pesanan dan kata-kata nasihat kepada generasi pelajar yang sedang menuntut di sekolah mahupun di menara gading. Jarang kita mendengar kegagalan pelajar diutarakan, masalah dan cabaran pelajar dikongsikan dengan masyarakat secara positif. Buku ini, dalam bilangan muka surat yang setara dengan laporan sarjana muda, telah mengemukakan urutan cerita dan insiden yang berkesan. Cerita motivasi seperti **Runtuhkan Tembok Itu** dan **I'm A Winner** sememangnya sangat berguna untuk semua. **Kuasa Doa** dan **Anugerah Terindah** yang mengakhiri coretan buku ini menggambarkan bagaimana kita harus dan sewajarnya menaruh sepenuh keyakinan kepada Allah SWT, Pencipta dan Tuhan semesta alam. Ia juga menggambarkan bagaimana pentingnya hubungan pelajar, ahli akademik dan keluarga pelajar dalam menangani cabaran dan isu yang berlaku tatkala pelajar melalui proses pendidikan mereka di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi.

Proses mendidik pelajar bukan sekadar menjadi tanggungjawab guru mahupun pensyarah semata-mata, tetapi ia juga merupakan tanggungjawab ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya, secara kolektif. Kecemerlangan yang dikecapi pelajar bukan hanya hasil titik peluh dan pengorbanan mereka semata-mata, tetapi berkat doa ibu bapa dan keikhlasan pendidik yang memberi ilmu juga menjadi faktor penyumbang kejayaan mereka. Tanpa ibu bapa dan golongan






APA KATA PEMBACA

pendidik, pelajar tidak mungkin berjaya menggapai cita-cita untuk cemerlang dalam pengajian dan seterusnya menempuhi perjalanan kehidupan yang masih jauh dan berliku. Semoga Liza Suhana akan terus menulis dan berkongsi ilmu serta pengalaman beliau tanpa jemu untuk generasi pelajar mendatang.

DATO' PROF. DR. HJ MOHD IDRUS HJ MOHD MASIRIN

Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
(UTHM), Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Takzim.





APA KATA PEMBACA

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya yang telah mengizinkan terhasilnya karya **Hidup Biar Smart** ini. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada penulis Liza Suhana yang mampu mencuri masa dalam kekalutan kerja, bagi menghasilkan karya yang sungguh bermakna ini. Sesungguhnya, naskah ini merupakan kesinambungan daripada naskah yang terdahulu dengan mengekalkan konsep yang sama iaitu bercerita dengan gaya yang santai tetapi intinya menyengat di hati. Kisah-kisah yang dipaparkan telah disusun dengan baik bagi membolehkan pembaca mengikutinya dengan tertib.

Penulis telah menyajikan 28 kisah benar yang ditulis dengan berlatarbelakangkan sebuah institut pengajian tinggi negara. Penulisan dengan gaya bahasa yang bersahaja diperkukuhkan pula dengan hadis sahih, cerita daripada al-Quran dan kisah para nabi serta pesanan cendekiawan pasti akan menggamit pembaca untuk terus membaca sehingga helaian terakhir.



APA KATA PEMBACA

Uniknya buku ini kerana ia dapat diangkat sebagai sebuah naskhah motivasi. Kisah yang dibentang berkisarkan kepada permasalahan yang dihadapi oleh pelajar seperti kesukaran menyiapkan tugas, dugaan teknologi, tabiat masa kini, kesan imej sendiri, masalah sosial remaja dan masalah-masalah lain yang dekat dengan golongan pelajar IPT. Setiap isu di dalam setiap kisah, pasti dibentangkan juga jalan penyelesaian ataupun nasihat yang berkaitan dengan isu tersebut. Secara tidak langsung, ini memberitahu kepada pembaca bahawa ada sinar di sebalik episod duka, ada harapan di hujung jalan.

Hidup Biar Smart juga banyak mengingatkan pembaca tentang pengorbanan orang lain bagi memanusiakkan mereka. Sebagai contoh, kisah bapa yang mendoakan anaknya di luar pagar sekolah, pasti dapat menjentik ruang rasa pembaca. Kisah penulis menasihati pelajar yang melabelkan dirinya sebagai 'loser' hanya kerana tidak dibelikan motosikal oleh ayahnya pasti dapat membantu pembaca untuk melihat kesempatan hidup seorang ayah yang tidak pernah diceritakan kepada si anak. Terdapat beberapa lagi kisah yang sedemikian yang bakal mengajak pembaca untuk melihat sesuatu isu daripada sudut yang berbeza. Ini mampu menginsafkan pembaca dan seterusnya memotivasikan mereka untuk memperbaiki kelemahan diri atau memperbetulkan apa yang telah tersalah tafsir.

Sejujurnya, saya mengharapkan penulis dapat terus berkarya dengan menghasilkan sesuatu yang mudah difahami dan dicerna oleh para remaja terutamanya golongan pelajar. Syabas sekali lagi! Semoga Allah merahmati dan teruslah menghasilkan karya yang dapat membantu anak bangsa untuk mengenal diri mereka dan tahu yang cerita mereka bukan untuk mereka sahaja tetapi dapat dijadikan panduan dan iktibar kepada remaja yang lain.






HIDUP BIAR SMART!

*Kekal bertuhan kepada yang Satu,
Yakin setiap yang berlaku adalah atas izin-Nya,
Maka kalau Dia yang merancang,
Pasti tiada cela,
Justeru, cerita hari ini,
Membekas untuk tatapan hari esok,
Jika buruk dijadikan sempadan,
Jika elok, digilap dijadikan panduan
Mengambil manfaat dan memanfaatkan,
Moga menjadi umat yang tidak berada dalam kerugian,
Kerana kita saling berpesan.
Subhanallah!
Wassalam.*

YUSMA YUSOF

Pengarah,
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah





APA KATA PEMBAKA

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, terima kasih kepada penulis Liza Suhana kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk membaca naskah **Hidup Biar Smart**. Kisah-kisah di dalam naskah ini sangat dekat dengan diri saya kerana saya juga berhadapan dengan situasi yang sama.

Alam remaja merupakan satu alam yang akan dilalui oleh semua insan bernama manusia. Ia adalah satu fasa kehidupan yang penuh dengan misteri. Ketika ini, remaja seolah-olah mencari satu kehidupan untuk mereka membentuk identiti tersendiri. Jiwa mereka mudah untuk meniru, mengikut dan membuat sesuatu yang dapat menarik perhatian orang sekeliling.

Kehidupan dunia hari ini yang penuh dengan cabaran menyebabkan remaja mudah terpengaruh dengan anasir-anasir yang tidak sihat. Facebook, Instagram, aplikasi WhatsApp dan sebagainya mendorong para remaja untuk bertindak luar kawalan dan kita takut ia adalah faktor utama remaja menjadi semakin liar.



HIDUP BIAR SMART!

Nauzubillahiminzalik!

Remaja adalah aset agama dan bangsa yang sangat penting. Merekalah yang bakal menerajui negara dan dunia pada masa akan datang. Jika aset yang utama ini rosak dan musnah, bimbang negara yang maju akan tumbang. Bangsa yang diagung-agungkan dunia akan kecundang. Oleh itu, didikan yang sempurna daripada ibu bapa dan masyarakat amat penting agar jiwa dan fizikal remaja seimbang. Benarlah kata Sayidina Ali k.w.j.:

“Jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini.”

Kita hayati juga kata-kata daripada Imam Syahid Hassan al-Banna:

“Generasi muda merupakan rahsia kehidupan umat dan sumber kebangkitannya. Kuat atau lemahnya umat sesungguhnya diukur dari sejauh mana kemampuan ‘rahim’ umat itu melahirkan tokoh-tokoh yang memenuhi syarat rijal (pemuda Islam) yang sebenarnya.”

Benar, zaman remaja adalah zaman yang paling berharga. Zaman yang tidak akan kembali berulang buat kali kedua. Zaman yang menentukan masa depan seseorang insan sama ada bahagia atau derita. Tingkah laku, tindakan dan pemikiran remaja kadang-kadang mengikut kata hati mereka. Ibu bapa dan masyarakatlah yang memainkan peranan penting untuk menegur serta menasihati mereka. Usah biarkan mereka lalai dengan dunia. Kasihan mereka!

Insyallah, buku yang bertajuk **Hidup Biar Smart** mengajak remaja ke arah kebaikan. Buku ini juga boleh dijadikan panduan buat ibu bapa dan masyarakat yang sentiasa berhadapan dengan masalah remaja. Kandungan buku ini adalah coretan kisah benar daripada penulis



APA KATA PEMBACA

berdasarkan pengalaman penulis yang sentiasa berhadapan dengan remaja iaitu mahasiswa dan mahasiswi dari sebuah institut pengajian tinggi.

Coretan kisah di dalam buku ini adalah berkisar tentang isu *couple* dan cinta, sahabat, gajet, sahsiah dan sebagainya. Penulisan buku ini sangat sesuai untuk remaja dan ibu bapa kerana ia bahan bacaan yang ringan dan santai. Di samping itu, mesej yang ingin disampaikan oleh penulis sangat jelas. Penulis menyampaikan dalam bentuk cerita dan dialog. Di akhir setiap kisah, penulis memberi pengajaran daripada apa yang telah dilalui.


Sebagai seorang pendidik, penulis sentiasa mendoakan kebaikan buat semua anak didik sama ada yang telah tamat pengajian atau yang sedang dalam pengajian. Semoga remaja hari ini menjadi insan dan hamba Allah yang hebat, bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat. Duhai remaja, hidup di dunia hanyalah sekejap, usah leka dengan dosa dan maksiat. Bangkitlah! Fikiran dan tenaga kalian sangat berguna untuk pembangunan ummah.

Akhir kata, tahniah buat penulis, Liza Suhana Ramli kerana berjaya menghasilkan sebuah buku motivasi remaja yang mantap ini. Semoga buku ini berjaya menarik minat para remaja, golongan pendidik dan ibu bapa untuk memilikinya.

ROHAMIAH MUDA

Penulis buku *Diakah Jodohku?*, *Jalan Ke Syurga dan Berdamai Dengan Takdir*





APA KATA PEMBACA

Naskah ini mengangkat kisah suka-duka kehidupan para pelajar di institusi pengajian tinggi dan bagaimana seorang pendidik menangani isu-isu positif dan negatif dalam kalangan para pelajarinya.

Sebagai seorang pendidik yang juga bergelumang dengan cerita suka duka ini, saya melihat naskah ini mewakili luahan perasaan para pendidik. Saya percaya semua cerita di dalam naskah ini pernah juga dialami oleh mereka yang bergelar pendidik di luar sana.

Panduan *do* dan *don't* untuk para pelajar yang dipersembahkan dalam bentuk *storytelling* berjaya menarik perhatian dan membekas di hati. Naskah ini sangat sesuai dijadikan bahan bacaan tambahan yang wajib untuk para pelajar umumnya dan pelajar baharu khususnya.

Para pendidik juga boleh menjadikan naskah ini sebagai panduan, bagaimana untuk berhadapan dengan para pelajar yang memerlukan lebih perhatian.



APA KATA PEMBACA

Para ibu dan bapa juga patut memiliki naskhah ini, agar dapat menyelami apa sebenarnya yang dihadapi oleh anak-anak dan para pendidik di IPT. Seterusnya dapat membantu para pendidik mengenal pasti isu-isu berkaitan anak-anak mereka.


Tahniah kepada penulis kerana telah berjaya menghasilkan sebuah naskhah yang bermanfaat untuk banyak pihak ini.

MAHALABIAH MOHAMAD

Guru Bimbingan dan Kaunseling

SMK Bagan Terap, Sungai Besar, Selangor.





APA KATA PEMBACA

Bismillahirrahmanirrahim.

Tatkala diberitahu bahawa naskhah **Hidup Biar Smart** bakal diterbitkan, saya sungguh teruja. Perasaan keterujaan saya itu menjadi berganda apabila menerima pula lamaran untuk menulis ulasan bagi karya solo kedua daripada pensyarah saya ini. Kali ini, ia hadir dengan 28 kisah yang patut dijadikan iktibar buat para pembaca.

Buku ini berkisar tentang motivasi cara hidup, sikap, adab dan akhlak yang mampu mengubah sudut pandang dan tindakan dalam usaha untuk mengatasi isu remaja pada hari ini. Keupayaan penulis mengolah setiap isu daripada dimensi yang berbeza dan mampu memberi persepsi baharu terhadap perkara yang digarapnya menjadi kekuatan buku ini. Setiap hujah diiringi maksud daripada petikan al-Quran, hadis, kisah para Sahabat dan kata-kata mutiara daripada para ulama menggambarkan hidup kita perlu sentiasa berlandaskan nilai agama sebagai pedoman.

Buku ini menjadi begitu indah dihiasi dengan mutiara kata dan titipan kalam yang lahir daripada isi hati penulis. Butir kata yang bersahaja berjaya mengajak pembaca bermonolog dan bermuhasabah diri. Persembahan yang ringkas dan padat tetapi mudah untuk



APA KATA PEMBACA

difahami. Dialog dalam setiap kisah berupaya meletakkan diri pembaca seolah-olah seperti berada di tempat penulis sendiri. Apatah lagi, ada di antara kisah pahit manis yang dicoretkan membuatkan saya mengimbau kembali kenangan yang dilalui ketika menjadi mahasiswa.

Masih segar dalam ingatan, ketika bersama-sama dengan penulis di dalam bilik kuliah, beliau seperti biasa akan memberi `take five` untuk kami merehatkan minda seketika setelah hampir dua jam menumpukan perhatian kepada isi kuliah. Beliau akan mengambil masa tersebut untuk menyelitkan kuliah motivasi yang saya namakan `kullimin` (kuliah lima minit). Ya! Solat sangat dititikberatkan. Ibu bapa tak lejang daripada ingatan. Adab dan aurat selalu disebutkan.

Pengalaman luas sebagai pendidik menjadikan beliau sudah `masak` dengan situasi yang dialami oleh anak-anak didiknya. Pendekatan yang diguna amat berkesan untuk menyampaikan dakwah dengan cara yang berhikmah. Teguran lembutnya ada, sinis pun ada, tetapi semuanya dengan tujuan untuk mengajak mendekati Tuhan yang Esa.

Harapan saya kepada mereka yang masih dalam dilema menghadapi cabaran hidup, peganglah kata-kata dan nasihat daripada penulis dengan sepenuh hati. Semoga kita semua diberi petunjuk dan hidayah oleh-Nya. Saya akhiri tulisan ini dengan ucapan terima kasih kepada Puan Liza Suhana kerana memberi peluang untuk saya mencoretkan sesuatu pada naskhah kali ini. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan kekuatan kepada puan untuk meneruskan usaha yang murni ini.

MUHAMAD NAIM KHALIB

Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan Awam

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah



OH MY STUDENT! 2.0

HIDUP BIAR SMART

A⁺

“Buku yang penuh dengan nasihat dan perkongsian pengalaman serta ilmu. Bermula dengan cabaran berdikari dan pelbagai pengalaman hidup dari alam percintaan sehinggalah perubahan dan tekanan emosi dalam menangani cabaran hidup, penulis telah mengheret kita lebih jauh dalam mendalami erti kehidupan. Realiti dalam kehidupan disentuh dalam bentuk cerita yang mampu menonjolkan mesej yang ingin disampaikan.”

DATO PROF. DR. HJ. MOHD IDRUS HJ. MOHD MASIRIN

Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

“Penulis telah menyajikan 28 kisah benar yang ditulis dengan berlatarbelakangkan sebuah institut pengajian tinggi negara. Penulisan dengan gaya bahasa yang bersahaja diperkukuhkan pula dengan hadis sahih, cerita daripada al-Quran dan kisah para nabi serta pesanan cendekiawan pasti akan menggamit pembaca untuk terus membaca sehingga helaian terakhir. Uniknyanya buku ini kerana ia dapat diangkat sebagai sebuah naskah motivasi. Penceritaan dengan nada yang santai tetapi intinya menyengat di hati.”

YUSMA YUSOF

Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

Sem. Malaysia : RM 15.00
Sabah/Sarawak : RM 17.00

ISBN 978-983-097-810-9



9 789830 978109

GB0558



Galeri Ilmu

www.galeriilmu.com.my | info@galeriilmu.com.my | 03 61421614